

21 JAN 1997

DR MAHATHIR PULANG DARI LAWATAN KE JEPUN DAN AMERIKA SYARIKAT

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pulang ke tanah air awal hari ini setelah melakukan lawatan kerja ke Amerika Syarikat dan Jepun untuk mempromosikan Koridor raya Multimedia (MSC).

Beliau tiba dari Tokyo dengan pesawat Boeing 747 MAS di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang pada pukul 4.10 pagi dan disambut isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat and Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir hadir sama menyambut beliau.

Dr Mahathir berada seminggu di Amerika Syarikat sebelum melawat Jepun.

Lawatan itu berjaya menarik minat syarikat-syarikat Amerika dan Jepun untuk melabur di MSC, sebuah zon seluas 50km kali 15km yang sedang dibangunkan menghala ke selatan dari Kuala Lumpur City Centre (KLCC).

Semasa di Amerika Syarikat, Dr Mahathir mengadakan pertemuan dengan tokoh-tokoh industri hiburan, teknologi maklumat dan multi-media Amerika.

Beliau juga mempengerusikan mesyuarat pertama Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) mengenai MSC di Universiti Stanford, California.

Di Jepun, Dr Mahathir mengadakan pertemuan dengan ketua-ketua eksekutif badan korporat Jepun dalam bidang berkaitan. -- Bernama

AZZ MAM RN